

**Klia2 Mulakan Operasi: Detik Yang Penting Bagi Malaysia - Najib  
Bernama  
2 Mei, 2014**

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan sebagai detik yang penting bagi negara apabila penerbangan pertama mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) hari ini.

"Pada 12.05 pagi ini, penerbangan sulung mendarat di #KLIA2. Satu detik yang sangat penting bagi Malaysia!," kata perdana menteri dalam mesej Twitter terkini beliau hari ini.

Lapangan terbang klia2, terminal tambang rendah terbesar di dunia dengan kemudahan bertaraf antarabangsa bagi syarikat penerbangan tambang rendah, memulakan operasinya hari ini dengan ketibaan pesawat Malindo Air OD1027 dari Kota Kinabalu pada 12.05 pagi.

Pesawat pertama berlepas dari lapangan terbang itu ialah Cebu Pacific Airways (5J502) ke Manila kira-kira 3.15 pagi ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035347>